



## **TEKS UCAPAN**

**SEMPENA MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG  
TAHUN 2014, SAMBUTAN TAHUN BARU CINA, HARI TERBUKA  
SUMBER MANUSIA DAN PROGRAM 'MOTeam'**

**YB DATO' SRI LIOW TIONG LAI  
MENTERI PENGANGKUTAN**

**PADA  
3 MAC 2015 (SELASA)**

**BERTEMPAT DI  
DEWAN SERBAGUNA, ARAS 2  
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN  
NO.26 JALAN TUN HUSSEIN, PRESINT 4  
W.P. PUTRAJAYA**

**YB Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi**

Timbalan Menteri Pengangkutan

**YBhg Datuk Dr. Ismail bin Haji Bakar**

Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan

**YBhg. Tan Sri M Kayveas**

Penasihat Kementerian Pengangkutan

**YBhg. Datuk Ruhaizah binti Mohamed Rashid**

Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar), Kementerian Pengangkutan

**YBrs. Tuan Chua Kok Ching**

Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan), Kementerian Pengangkutan

Setiausaha-Setiausaha Bahagian, Ketua-Ketua Jabatan/ Agensi,  
Pegawai-Pegawai Kanan Kementerian Pengangkutan/ Jabatan/ Agensi

Datuk-Datuk/ Datin-Datin/ Tuan-Tuan dan Puan-Puan, seluruh warga  
Kementerian Pengangkutan yang dikasihi dan dihormati sekalian.

Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia

## PENDAHULUAN

1. Terlebih dahulu, pada hari yang berbahagia ini, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Tan Sri/ Dato' Sri/ Datuk-Datuk / Datin-Datin / Tuan-Tuan dan Puan-Puan kerana sudi meluangkan masa untuk hadir ke Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2014. Sesungguhnya, hari ini merupakan hari yang penuh bermakna dan istimewa kerana, selain kita memberikan penghargaan dan juga pengiktirafan kepada Warga MOT yang telah menunjukkan perkhidmatan yang cemerlang, hari ini juga diadakan **Sambutan Perayaan Tahun Baru Cina, Hari Terbuka Pengurusan Sumber Manusia (PSM), Program Pengukuhan Pasukan 'MOTeam' dan Perhimpunan Bulanan MOT bagi Bulan Mac 2015.**

2. Syabas dan tahniah kepada Bahagian Pengurusan Sumber Manusia selaku penganjur utama bersama dengan Bahagian Pentadbiran & Kewangan dan Lembaga Pelabuhan Kuantan kerana berjaya menggabungkan kelima-lima majlis ini dalam satu majlis yang penuh meriah dan ceria. Ini secara tidak langsung dapat mengurangkan perbelanjaan sektor awam khususnya dalam penganjuran majlis rasmi Kementerian dan sebagai salah satu pendekatan bagi menyokong dasar penjimatan kerajaan. Saya berharap penganjuran majlis yang sebegini dapat diteruskan pada masa akan datang.

## ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG

Warga MOT yang dihormati sekalian,

3. Kerajaan sentiasa komited dalam mengiktiraf budaya kerja cemerlang, komitmen dan jasa yang diberikan oleh penjawat awam

dengan menyediakan pelbagai anugerah atau ganjaran. Melalui Anugerah Perkhidmatan Cemerlang, saya berharap ia dapat menggalakkan pegawai dan kakitangan untuk terus memberikan komitmen dan daya usaha untuk mempertingkatkan produktiviti dan mutu kerja yang berkualiti tinggi. Ini sekali gus menjadikan perkhidmatan Kerajaan kekal sebagai perkhidmatan yang relevan dan diyakini oleh rakyat, serta menepati kehendak dan ekspektasi mereka. Pengiktirafan ini juga seharusnya mewujudkan persaingan yang sihat di kalangan semua pegawai dan kakitangan untuk membuktikan keupayaan masing-masing bagi menghasilkan perkhidmatan yang terbaik.

4. Suka saya mengingatkan bahawa pemberian anugerah sebegini ini bukan hanya sebagai pendorong dan pengiktirafan kepada pegawai dan kakitangan yang telah menunjukkan prestasi kerja cemerlang semata-mata. Bahkan dalam skop yang lebih luas lagi, anugerah ini merupakan satu langkah transformasi dalam membudayakan kecemerlangan menyeluruh dalam semua aspek pengurusan dan penyampaian perkhidmatan Kerajaan, khususnya di MOT. Saya yakin, setiap seorang daripada tuan/puan telah memberikan komitmen yang terbaik dalam melaksanakan tanggungjawab dan amanah yang diamanahkan. Namun, tidak semua pegawai cemerlang dapat kita berikan pengiktirafan ekoran daripada kuota yang diperuntukkan setiap tahun hanyalah (lapan) 8 peratus daripada jumlah keseluruhan warga Kementerian.

5. Justeru itu, Majlis APC 2014 yang diadakan hari ini adalah khusus bagi mengiktiraf 34 warga Kementerian iaitu masing-masing **28 orang pegawai di MOT, 3 orang pegawai di Perbadanan Aset Keretapi (PAK) dan 3 orang pegawai di Lembaga Pelabuhan**

**Kuantan (LPKtn)** yang telah memberikan perkhidmatan cemerlang dan bermutu tinggi berdasarkan prestasi tahunan pegawai. Setinggi-tinggi tahniah dan syabas saya ucapkan kepada semua penerima anugerah pada hari ini. Sesungguhnya kejayaan mereka seharusnya dijadikan sebagai pemangkin untuk kita lebih berjaya pada masa akan datang.

6. Pada tahun ini juga, Kementerian bersetuju untuk meneruskan amalan pemberian **Sijil Prestasi Cemerlang kepada 281 warga kerja MOT yang berjaya mendapat markah LNPT 90% dan ke atas.** Kementerian turut mengambil kesempatan untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pegawai-pegawai Kementerian, Jabatan dan Agensi yang telah **berkhidmat melebihi 25 tahun sehingga tarikh hari ini iaitu 3 Mac 2015 seramai 18 orang.** Sesungguhnya penganugerahan ini adalah satu tanda pengiktirafan daripada Kerajaan dan Kementerian Pengangkutan terhadap prestasi cemerlang, sumbangan dan khidmat bakti yang tuan/ puan berikan. Kesetiaan dan pengorbanan tuan/puan amatlah dihargai oleh Kerajaan dan Negara.

## **SAMBUTAN TAHUN BARU CINA 2015**

Warga MOT yang dikasihi sekalian,

7. Sepertimana Tan Sri/ Dato' Sri/ Datuk-Datuk / Datin-Datin / Tuan-Tuan dan Puan-Puan sedia maklum, majlis pada hari ini juga dianjurkan bersekali dengan Sambutan Tahun Baru Cina Tahun 2015 yang diraikan oleh kaum Tionghua baru-baru ini. Saya sebagai Menteri Pengangkutan merasa amat bangga kerana dengan adanya sambutan sebegini, ia menunjukkan kita secara berterusan berusaha untuk meningkatkan

persefahaman dan perpaduan dalam kalangan rakyat pelbagai kaum yang mempunyai budaya dan adat resam berbeza.

8. Perayaan Tahun Baru Cina merupakan pesta Perayaan Musim Bunga (spring festival) yang amat penting bagi masyarakat Cina untuk menyambut tahun baru dalam kalender lunar Cina. Kalender lunar Cina terbahagi kepada kitaran dua belas (12) tahun dan setiap tahun diwakili oleh seekor haiwan.

9. Pada tahun ini pula, penghormatan diberikan kepada “kambing” dan masyarakat Cina percaya tahun ini akan membawa keharmonian dan kemakmuran kepada seluruh rakyat Malaysia. Sambutan perayaan sebegini mengingatkan kita betapa kepelbagaian sebenarnya yang menjadikan Malaysia luar biasa. Rupa bentuk Negara yang ditunjangi pelbagai etnik, bahasa dan kepercayaan adalah pelengkap kepada Malaysia. Justeru itu, kepelbagaian itulah sebenarnya yang kita raikan, hargai dan pertahankan.

## **HARI TERBUKA SUMBER MANUSIA**

Warga MOT yang disayangi sekalian,

10. Sepertimana Tan Sri/ Dato’ Sri/ Datuk-Datuk / Datin-Datin / Tuan-Tuan dan Puan-Puan sedia maklum, pada hari ini juga turut diadakan Hari Terbuka Sumber Manusia, Kementerian Pengangkutan. Program ini merupakan program dwi tahunan yang mula dilaksanakan sejak tahun 2011. Antara objektif program adalah untuk memberi peluang kepada warga MOT serta Jabatan/ Agensi untuk mendapatkan khidmat nasihat berkaitan HRMIS, kerjaya, perkhidmatan dan sebagainya, melalui kaunter-kaunter Pengurusan Sumber Manusia yang dibuka.

Selain itu, Datuk-Datuk/ Datin-Datin/ Tuan-Tuan dan Puan-Puan juga dapat berkongsi maklumat-maklumat terkini berkaitan isu-isu Pengurusan Sumber Manusia di MOT dan Jabatan/ Agensi. Ini secara tidak langsung ia dapat mewujudkan hubungan yang harmoni dalam konteks *delighting the customer* di setiap peringkat kumpulan perkhidmatan.

11. Saya turut difahamkan bahawa, selain platform yang disediakan bagi urusan berkaitan Pengurusan Sumber Manusia, terdapat juga kaunter-kaunter pihak luar seperti Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN), Amanah Saham Bumiputra (ASB), Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), 1 Pesara dan jualan buku dibuka melalui program ini. Kaunter-kaunter ini dibuka bagi memberi pendedahan dan penerangan kepada warga MOT serta Jabatan/ Agensi berkaitan pengurusan kewangan dan pelaburan serta khidmat nasihat persaraan.

12. Kepada semua yang hadir, ambillah peluang dan kesempatan ini sebaik mungkin untuk bertemu pegawai-pegawai BPSM dan bertanya apa-apa kemusykilan dan masalah samada dari segi perkhidmatan atau perjawatan dan sebagainya khususnya penjelasan ke atas isu-isu personel yang mana kita sendiri agak ragu-ragu atau kurang pemahaman.

13. Penganjuran Hari Terbuka Sumber Manusia ini menunjukkan komitmen Bahagian Pengurusan Sumber Manusia kepada pelanggan khususnya kepada warga MOT serta Jabatan/ Agensi dibawahnya. Ia bertepatan dengan konsep untuk merakyatkan perkhidmatan melalui *engagement* sepertimana yang disarankan oleh Ketua Setiausaha

Negara dan sewajarnya program ini harus dicontohi oleh semua Jabatan dan Agensi di bawah MOT.

## **PROGRAM PENGUKUHAN PASUKAN – “MOTeam”**

Warga MOT yang dihormati sekalian,

14. Bersempena dengan Majlis APC 2014, Sambutan Perayaan Tahun Baru Cina dan Hari Terbuka Sumber Manusia ini juga diadakan program pengukuhan pasukan yang dikenali sebagai “MOTeam” (Pasukan/ Tim MOT). Program berbentuk seminar ini akan dibawakan secara khas oleh Encik Omar Stirling, salah seorang *Certified Master Trainer* dari Lawrence Walter Seminars dengan tajuk ***Passion for Quantum Growth***. Antara tujuan program ini diadakan adalah:

- a. Untuk **memupuk semangat kekeluargaan** di kalangan warga MOT;
- b. Menyediakan satu (1) **pasukan MOT yang kompeten, produktif dan berdaya inovatif** di samping melahirkan modal insan yang sentiasa membudayakan nilai-nilai murni, patriotisme, etos dan integriti dalam perkhidmatan awam selaras dengan Pelan Transformasi MOT;
- c. **Memantapkan tahap keupayaan warga MOT** dalam merealisasikan transformasi sektor pengangkutan Negara dan hala tuju baru MOT;



- d. Menekankan **aspek keberhasilan kepada lima (5) komponen nilai teras** iaitu kerja berpasukan, komited, profesional, inovatif dan prihatin; dan
- e. Mempersiapkan warga MOT dengan **semangat berpasukan yang berprestasi tinggi** dalam organisasi berdasarkan kepada *High Impact High Performance*.

15. Sehubungan itu, saya menyarankan agar Datuk-Datuk/ Datin-Datin/ Tuan-Tuan dan Puan-Puan serta seluruh warga MOT untuk hadir ke seminar ini yang akan berlangsung pada jam 2.30 petang di dewan ini. Kehadiran Datuk-Datuk/ Datin-Datin/ Tuan-Tuan dan Puan-Puan terutamanya Pengurusan Tertinggi Kementerian ke seminar ini juga mencerminkan komitmen dan kesediaan Datuk-Datuk/ Datin-Datin/ Tuan-Tuan dan Puan-Puan untuk mendengar pandangan dan bertukar-tukar pendapat dengan warga MOT. Sudah tentunya kalaborasi sebegini akan memberi faedah bersama kepada pihak pengurusan dan pekerja.

16. Adalah diharapkan *collaborative partnership* ini akan memupuk semangat kesetiaan (*loyalty*) dan setiakawan (*esprit de corps*) bukan sahaja diantara MOT dengan barisan pemimpin di Jabatan dan Agensi tetapi juga membentuk jaringan kesepaduan dikalangan warga kerja sebagai sebuah keluarga yang harmoni.

## **PENUTUP**

Warga MOT yang dikasihi sekalian,

17. Akhir kata, saya sekali lagi mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada pegawai dan kakitangan Kementerian

yang telah dipilih sebagai penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2014. Adalah penting setiap komitmen dan pencapaian cemerlang bukan hanya diteruskan malah sentiasa dipertingkatkan, agar dengan kesungguhan berkeñaan dapat mendukung usaha Kerajaan ke arah kemakmuran negara serta kesejahteraan rakyat. Sekalung penghargaan diucapkan kepada Bahagian Pengurusan Sumber Manusia selaku pihak penganjur atas pengisian program yang bermanfaat kepada warga MOT serta Jabatan/ Agensi pada hari ini. Kepada warga kerja kaum Tionghua, saya ucapkan Selamat Tahun Baru Cina, *Gong Xi Fa Cai*, *Xin Nian Kuai Le* dan semoga Tahun Kambing ini akan membawa kebahagiaan, kemakmuran dan kesihatan yang baik kepada kita semua.

Sekian, terima kasih.

**YB Menteri Pengangkutan Malaysia**  
**3 Mac 2015**